



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 28 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI GIAT ATUR PROGRAM KARNIVAL BANTU PKS TERJEJAS AKIBAT COVID, MALAYSIA SEJAHTERA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI IMPLEMENTS R&D OF HYBRID PADI SEEDS, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -14	
3.	KERAJAAN LULUS SUBSIDI BAJA, RACUN TANGANI KENAIKAN HARGA, NASIONAL, BH AHAD -16	
4.	HARGA SAYUR KEMBALI STABIL HUJUNG TAHUN, MELAKA HARI INI -ONLINE	
5.	HARGA BEKALAN MAKANAN TERUTAMA SAYURAN KEMBALI STABIL HUJUNG TAHUN INI, BERITA RTM -ONLINE	
6.	DEPUTY MINISTER: MARDI COMMERCIALISES 57 OUT OF 338 TECHNOLOGIES TO 40 COMPANIES, MALAY MAIL -ONLINE	
7.	MAKAN SAYUR TEMPATAN SAMPAI HUJUNG TAHUN - AHMAD HAMZAH, UM -ONLINE	
8.	BANTUAN KEWANGAN SERAP KOS STABILKAN HARGA BARANGAN DIRANGKA, UM -ONLINE	
9.	BANTUAN KEWANGAN KEPADA PEMAIN INDUSTRI PERTANIAN AKAN DIUMUM, EKONOMI, MINGGUANSARAWAK -29	
10.	60% PESAWAH TUA DAH TAK LARAT, SETEMPAT, METRO AHAD -12	
11.	MARDI BERJAYA KOMERSIALKAN 57 DARIPADA 338 TEKNOLOGI KEPADA 40 SYARIKAT, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI)
12.	MARDI PERKENAL 23 TEKNOLOGI MAKANAN, BH -ONLINE	
13.	PRODUK KINI DI AWAN BIRU, SETEMPAT, METRO AHAD -14	LAIN-LAIN
14.	MOSTI JALANKAN KAJIAN KURANGKAN KOS HASIL TANI, NASIONAL, BH AHAD -17	
15.	GUAN ENG: WILL NANTA RESIGN IF HE CAN'T CONTROL THE RISING PRICE OF VEGETABLE?,MALAY MAIL -ONLINE	
16.	MOSTI KAJI TEKNOLOGI KURANGKAN KOS PERTANIAN, NASIONAL, SH -10	
17.	SUBSIDI, GERAN ANTARA SYOR TANGANI KENAIKAN HARGA BARANG, BH -ONLINE	
18.	HARGA BARANGAN MAHAL, PENIAGA PUN BIMBANG BARANG TAK LAKU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
19.	KAJI TEKNOLOGI KURANGKAN KOS PERTANIAN - AHMAD AMZAD, TRDI.MY -ONLINE	
20.	TIGA KEMENTERIAN ATASI LONJAKAN HARGA, BH AHAD -ONLINE	
21.	KENAIKAN HARGA BARANG BASAH SEMAKIN RESAHKAN PENGGUNA, ASTRO AWANI -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	MALAYSIA SEJAHTERA	ONLINE	

MAFI giat atur program karnival bantu PKS terjejas akibat COVID

KUALA LUMPUR, 27 Nov -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini giat mengatur program karnival jualan secara fizikal bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bangkit semula selepas terjejas akibat pandemik COVID-19. [-BERNAMA](#)

Headline	Mafi implements R&D of hybrid padi seeds		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	14	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,068
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,204



Mafi implements R&D of hybrid padi seeds

KUALA LUMPUR: Research and development (R&D) of new varieties of padi seeds is being carried out to develop varieties that can adapt to local problems.

Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) in a statement today said these problems include saline water, water scarcity, and drought as well as diseases and pests.

"These varieties will be introduced during the 12th Malaysia Plan (12MP) period," read the statement issued in conjunction with the launch of the IS21 Padi Seed by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob in Sekinchan, Selangor recently.

It said the government gives emphasis on increasing public spending and investment for R&D purposes to ensure the sustainability of the production of new rice varieties.

MAFI also said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) is working with panel companies authorised to produce seeds to ensure availability to farmers.

According to the statement, several companies have applied to be authorised seeds producers for Kembang Sari fragrant rice and MRQ 103 fragrant rice variety to be launched next year.

Meanwhile, Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee said MARDI is proactively developing new varieties of padi seeds through ongoing R&D.

On the new IS21 padi seed, he said ongoing development padi varieties is highly needed to ensure the country's value chain for padi and rice industry is not disrupted.

"This (move) is also to address various issues and challenges

IS21 PADI SEED

- New variety of padi introduced by Malaysian Nuclear Agency under MOSTI
- Capable of growing faster & producing higher yield
- Launched by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Nov 20, 2021

SPECIALITY

- Generated using nuclear technology with gamma radiation-induced mutation method
- Alternative technology to the conventional breeding procedures
- Higher resistance to unpredictable weather & crop disease
- Higher resistance to biotic & abiotic stresses
- Better nutritional quality

RECOGNITION

- Awarded the Outstanding Achievement in Plant Mutation Breeding at the 69th IAEA General Assembly in Vienna, Austria on Sept 2021
- Recognised by the:
 - International Atomic Energy Agency (IAEA)
 - Food & Agriculture Organization (FAO)
- The Committee on Government Subsidy Policy for Rice & Padi Industry also recognised it.

CROP YIELD

- Has the potential to provide high yield if managed according to government & international guidelines
- Could increase 27% - 57% of farmers' income depending on crop areas
- Cultivation practices
- Could protect up to 3 tonnes per hectare from weeds in crop areas
- Cultivation costs reduced by 20% following lesser usage of fertilisers & pesticides

By year 2050:

- The UN expects the world population to increase to 9.7 billion people.
- The FAO estimates production of agriculture & food to increase 70% to meet global demand

To support government aspiration in increasing:

- National food security
- Level of self-sufficiency

To reduce future dependency on imported rice

More than 15,000 padi farmers nationwide have started planting the IS21 padi seeds

MAFI - Ministry of Science, Technology & Innovation
MOESI - United Nations

Source: Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob / MOSTI minister Datuk Seri Dr Adnan Baba
Published: Nov 20, 2021
Bernama Inlog.apk

such as diseases or pests, natural disasters such as droughts and floods, and so on. The absence of disease-resistant and resilient padi varieties will affect rice production and the country's food security," he said.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday launched the IS21 padi seed,

which is highly resistant to unpredictable weather and several diseases.

To date, 57 varieties of padi seeds have been declared by the government since 1964 for common or inbred rice, fragrant rice, colour rice, herbicide-resistant rice and aerobic rice.
— Bernama

Headline	Kerajaan lulus subsidi baja, racun tangani kenaikan harga		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	16	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	115 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,823
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,468



Kerajaan lulus subsidi baja, racun tangani kenaikan harga

Kota Bharu: Kerajaan meluluskan subsidi baja, racun serta makanan haiwan ternakan bagi menangani isu kenaikan harga barang mentah bagi mengurangkan beban dihadapi pengguna serta menjejaskan peniaga.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pemberian subsidi itu dipersetujui selepas perbincangan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, baru-baru ini.

Katanya, peningkatan harga barang terutama keperluan harian seperti daging, ayam dan sayur-sayuran berpunca daripada penularan pandemik COVID-19.

“Jangan anggap kenaikan

harga barang ini hanya di Malaysia, malah di Thailand, Mesir dan Jordan turut mengalami perkara sama apabila harga barang di sana meningkat sehingga tiga kali ganda.

“Pemberian subsidi ini dijangka membantu memulihkan harga barang mentah. Jika tidak 100 peratus, mungkin antara 80 hingga 90 peratus harga barang menjadi lebih murah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Pajakan Dusun Tradisi Antara Pemilik-Pemilik Dusun Dengan Anjuran Kunyit Sdn Bhd Dan Pelancaran Koperasi E-Agropreneur Mikro Durian ‘KopDuye’, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Harga sayur kembali stabil hujung tahun



AHMAD (dua dari kanan) pada Program Agriinvest Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021.

BANDAR HILIR 28 Nov – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan harga sayur terutamanya yang diimport akan kembali stabil menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kenaikan harga yang berlaku kini disebabkan

oleh beberapa faktor namun ianya kini berada dalam kawalan pihak terbabit.

Beliau berkata, namun begitu MAFI tidak mengesan berlaku kekurangan bekalan sama ada sayur import mahupun sayur tempatan.

“Kita mengesan kenaikan ini bermula pada Oktober lalu dan dijangkakan (harga) dapat distabilkan sehingga hujung tahun ini.

“Pada ketika ini kita dapati bahawa ada kenaikan di separuh tempat pemasaran tetapi secara keseluruhannya kenaikan ini sudah dapat dikawal khususnya sayur import seperti brokoli dan kubis bulat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Agriinvest Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021 yang turut dihadiri, Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.



AHMAD (tengah) pada sidang media selepas merasmikan Agriinvest Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021 yang turut dihadiri Haslina (kiri) dan Dr Mohamad Zabawi (kanan).

Sementara itu, Ahmad berkata, dalam menangani situasi ini kementeriannya bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Dalam masa sama kita juga sentiasa membuat pemantauan harga dan mengadakan perbincangan bersama KPDNHEP dalam memastikan harga terkawal serta bekalan mencukupi,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam tempoh ini rakyat disarankan memilih sayur tempatan berbanding sayur import.

“Ini adalah satu daripada matlamat utama kita, kalau boleh kita mempromosikan penggunaan barangan tempatan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	BERITA RTM	ONLINE	

Harga bekalan makanan terutama sayuran kembali stabil hujung tahun ini



BANDAR HILIR, 28 November - Harga bekalan makanan terutama sayur-sayuran, kembali stabil, hujung tahun ini.

Jaminan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berdasarkan komitmen Kementerian menyelesaikan isu itu dengan kadar segera.

Kenaikan yang berlaku, akuinya disebabkan beberapa faktor, dan tidak menjejaskan bekalan sayuran import dan tempatan.

Beliau menyatakan komitmen ini selepas perasmian Agroinvest MARDI 2021 di Banda Hilir, Melaka.

Kementerian juga jelasnya, sedang bekerjasama dengan KPDNHEP bagi memastikan harga barangan dapat dikawal serta bekalan sentiasa mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

Deputy minister: Mardi commercialises 57 out of 338 technologies to 40 companies



Datuk Seri Ahmad Hamzah said the commercialisation of the technology involved a business value of RM171.9 million with a technology value of worth RM15.9 million. — Picture via Twitter/bernama

MELAKA Nov 28 — The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has commercialised about 17 per cent or 57 of the 338 technologies it generated to 40 companies during the 11th Malaysia Plan (11MP).

Agriculture and Food Industries Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the commercialisation of the technology involved a business value of RM171.9 million with a technology value of worth RM15.9 million.

“Mardi plays a major role in elevating the agricultural sector and contributing to the country’s economic development through continuous research, and one of them is to develop technology or innovation to transfer or for use to solve problems of the target group.

ADVERTISING

“One of the platforms created to realise this is through the Agroinvest Programme which has been implemented since 2016,” he told reporters after officiating the Mardi 2021 Agroinvest Programme, themed ‘Evolution of Healthy Eating for Malaysian Families’ here today.

Also present were Agriculture and Food Industries Ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid and Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad said through the Mardi Agroinvest Programme, a total of 50 technologies were offered for bid to 252 companies out of which 88 companies had shown interest in acquiring the technology and some of them had signed commercialisation agreements with Mardi through licensing, direct sales and consultancy services.

“As a result, every year Mardi gets an average return of more than RM1.4 million through licensing fees, management, direct sales and consultancy services,” he added.

Meanwhile, at the Agroinvest Mardi 2021 held today, where 23 food and beverage based technologies were offered, it attracted 130 participants comprising companies, entrepreneurs and industry partners.

In another development, Ahmad gave an assurance of sufficient food supply, especially vegetables, despite the reports on the increase in price of vegetables imported from China such as cabbage and broccoli.

“The increase in the price of these vegetables was detected since last month,” he said and attributed it to the cold weather in the producing countries which affected production.

However, he said, the price would be stable again by end of the year and advised consumers to buy local vegetables. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Makan sayur tempatan sampai hujung tahun – Ahmad Hamzah



AHMAD Hamzah menunjukkan produk tauhu ikan patin selepas merasmikan Agroinvest Mardi 2021 di Hotel Hatten, Banda Hilir, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

MELAKA: Rakyat disarankan untuk makan sayur tempatan sehingga hujung tahun ini susulan harga sayur import dijangka terus meningkat sepanjang tempoh tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia berikutan jumlah bekalan sayur import termasuk dari China telah berkurangan berikutan negara itu mengalami cuaca sejuk melampau.

Katanya, dalam tempoh ini, rakyat disarankan membeli sayur tempatan berbanding hasil import yang mengalami kenaikan mendadak sehingga mencecah RM4 sekilogram.

“Susulan kekangan cuaca hujan tidak menentu dalam negara dan China mengalami cuaca sejuk melampau, bekalan sayur import telah mengalami penyusutan.

“Sejak Oktober lalu, kita mengesan kenaikan harga sayur-sayuran import ini termasuk brokoli dan kubis bulat, jadi ini adalah masa terbaik untuk kita mempromosikan penggunaan barangan (sayur) tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Agroinvest Mardi 2021 yang turut dihadiri Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagaimanapun harga sayur-sayuran itu masih dalam kawalan dan dijangka dapat distabilkan menjelang hujung tahun ini.

ADVERTISING

“Bagi menangani situasi ini kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan bekalan dan kualiti barang terjamin.

“Dalam masa sama kita juga sentiasa membuat pemantauan harga dan mengadakan perbincangan bersama agensi itu,” katanya.

Ujarnya lagi, pihaknya bagaimanapun memberikan jaminan bahawa bekalan sayur-sayuran tempatan mencukupi dan stabil untuk kegunaan rakyat. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Bantuan kewangan serap kos stabilkan harga barangan dirangka



ALEXANDER NANTA LINGGI

PETALING JAYA : Kerajaan sudah merangka usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong di dalam memastikan peningkatan harga barangan keperluan asas dapat distabilkan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dalam kenyataan memaklumkan, satu perbincangan telah diadakan bersama pihaknya dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berhubung perkara itu.

Menurut kenyataan itu, perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam sesi temuramah program Ruang Bicara: Aspirasi Keluarga Malaysia disiarkan di Bernama semalam.

“Beliau berkata susulan perbincangan telah diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berkaitan isu kenaikan harga barangan seperti sayur, ayam dan telur.

“Usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong sudah dirangka,” kata kenyataan berkenaan.

Menurut kenyataan itu, fokus pihaknya kini adalah untuk memastikan harga barangan keperluan asas yang ketika ini mencatatkan peningkatan, dapat distabilkan menerusi mekanisme tertentu.

Dalam perkembangan lain, kementerian memaklumkan penurunan harga kit ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 merupakan antara tiga petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan oleh pihaknya kini sudah melakar pencapaian 100 peratus.

ADVERTISING

Menurut kenyataan itu, harga RTK antigen telah merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan, sejak harga siling dikuatkuasakan pada September lalu.

“Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, iaitu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal iaitu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran.

“Susulan impak faktor persaingan, lambakan RTK antigen yang dijual di pasaran sehingga menjangkau 83 jenama dan pengeluar berdasarkan maklumat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) setakat 24 November, maka kementerian mengambil pendirian bahawa tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini,” kata kenyataan sama lagi.

Jelas kenyataan sama, keputusan itu bukan langkah patah balik, sebaliknya apabila Kementerian Kesihatan menerusi MDA dan pihaknya merintis kerjasama, banyak syarikat pengimport alat ujian ini membawa bekalan masuk sekali gus memberi pilihan yang amat meluas kepada pengguna.

“Perkara berkaitan secara tidak langsung dapat meningkatkan persaingan dan akhirnya mencetuskan kesan domino yang menyaksikan harga RTK antigen mampu dikurangkan sehingga ke paras harga mampu milik.

“Asas lain di sebalik keputusan ini ialah sekiranya harga siling masih terus ditetapkan, ia dikhuatiri mengundang manipulasi di peringkat pengedaran dan penjualan kepada pengguna.

Berkemungkinan, premis atau pihak yang menjual di bawah paras harga siling, boleh mengambil keputusan untuk menaikkan harga, memandangkan masih ada margin harga jualan untuk mereka berbuat demikian.

“Oleh itu, berdasarkan persaingan hebat ketika ini antara pembekal RTK antigen di pasaran, pihak kementerian menaruh kepercayaan bahawa mereka akan terus menurunkan harga yang ditawarkan kepada pengguna. Namun kementerian akan terus memantau perkara ini secara berkala,” jelas kementerian.

Selain penurunan harga ujian kit sendiri, dua pencapaian lain adalah berkaitan Sarawak iaitu pengecualian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 dan Akta Kawalan Bekalan (CSA) 1961 masing-masing di bawah bidang kuasa kementerian berkenaan dan memastikan kemampuan industri francais.-ONLINE DONE

Headline	Bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian akan diumumkan		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	29	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,176
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,527



Bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian akan diumumkan

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam masa terdekat, sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang telah memberi impak kepada harga barangan di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 November lepas (Rabu).

"Sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan dengan MOF.

"MOF secara dasarnya berseluju untuk mempertimbangkan saranan cadangan daripada kedua-dua kementerian. Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Bellau berkata, bantuan kewangan yang bakal diberikan kepada pemain industri pertanian itu dijangka mampu menyerap lanjutan kos yang terpaksa ditanggung pengguna.

Nanta berkata, perjumpaan

antara tiga pihak itu dibuat hasil dapatan daripada pertemuan antara Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNHEP) dan MAFI bersama pihak berkepentingan serta pemain industri pertanian.

"Melalui sesi libat urus yang telah dijalankan, pemain industri yang terkesan telah memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa peka dan prihatin terhadap sebarang isu berkaitan

kenaikan harga barangan terutama makanan serta keperluan asas yang membekalkan rakyat di negara ini.

Justeru katanya, pegawai penguatkuasa dan pegawai pemantau harga KPDNHEP secara proaktif akan memantau dan memeriksa harga barang di seluruh negara bagi memastikan harga barangan termasuk sayur-sayuran berada dalam keadaan stabil.

"Tindakan akan dikenakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantalan bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencajut) di bawah Akta

Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya.

Seksyen 14(1) AKHAP 2011 memperuntukkan sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Nanta menasihatkan pengguna untuk menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai harga barangan keperluan asas.

- Bernama

Headline	60peratus PESAWAH TUA DAH TAK LARAT		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	12	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	853 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,809



Petani warga Bangladesh 'takluk' Sekinchan? Sejumlah 12 hektar tanah diusahakan bukan sedikit, tidak mustahil saiznya akan 'membesar' jika dibiarkan. Mengapa ia begitu mudah berlaku, apa punca tanah itu diberi kepada mereka untuk diusahakan, di mana pihak berkaitan yang sepatutnya melindungi kedaulatan tanah ini serta petani, bagaimana pula dengan nasib pe tani tempatan? Ikuti wawancara **Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) AZMAN MAHMUD** bersama wartawan, **YUSMIZAL DOLAH ALING** bagi mengupas isu ini.

Tanah sawah milik orang tempatan kini diusahakan warga Bangladesh. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sudah mendapat maklumat dan mengenal pasti kawasan-kawasan sawah yang telah bertukar menjadi kebun sayur-sayuran oleh warga asing seperti Bangladesh dan Rohingya.

Selain itu, Mafi juga mendapati terdapat beberapa kawasan penanaman kelapa sawit telah melepasi sempadan tanah sawah. Keadaan ini akan menyebabkan tanaman padi terkena serangan penyakit seperti ulat batang. Ketika ini, kawasan pertanian padi seluruh negara adalah seluas kira-kira 700,000 hektar sahaja jika dibandingkan dengan keluasan tanaman padi di Thailand dan Vietnam yang mana masing-masing adalah seluas 10 juta hektar dan 7.5 juta hektar.

Warga Bangladesh merantau ribuan kilometer untuk bekerja dan kini jadi 'tauke' di bumi Malaysia. Apa isu dan masalahnya?

Sebelum ini, pembabitian warga asing terutamanya warga Bangladesh dalam sektor pertanian hanya membabitkan pekerja bagi industri tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di Cameron Highlands. Berikutan dengan kenaikan harga baja dan racun, pekerja asing ini berhijrah ke negeri-negeri lain dan mengusahakan tanaman sayur di tanah sawah. Ketika ini, hampir 60 peratus pesawah yang terdiri daripada warga tempatan sudah berusia dan tidak larat untuk mengusahakan sawah padi.

Generasi muda pula tidak berminat dan lebih cenderung untuk bekerja dalam sektor lain selain pertanian.

Secara umumnya, rakyat Malaysia tidak berminat bekerja dalam pekerjaan 3D (kotor, bahaya dan sukar) mengakibatkan sektor



KAWASAN pertanian padi di seluruh negara adalah seluas kira-kira 700,000 hektar sahaja.

WARGA BANGLADESH TAKLUK SEKINCHAN
60% PESAWAH TUA DAH TAK LARAT

tertentu dimonopoli pekerja asing.

Kini ada 12 hektar, selepas ini tidak mustahil saiznya akan bertambah. Bagaimana mahu mengatasi isu kedaulatan tanah ini?

Dalam hal ini, Mafi akan sentiasa bekerjasama rapat dengan Pejabat Tanah dan Galian terutamanya di peringkat negeri serta sentiasa menyarakan agar kawasan tanah sawah dikedaulatkan. Pertukaran tanaman selain padi di atas tanah-tanah sawah sama sekali tidak dibenarkan kerana ia akan mengancam pengeluaran padi dan beras negara sekali gus membabitkan sekuriti bekalan makanan negara.

Tindakan tegas juga akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba untuk menukarkan tanah sawah kepada tanaman lain tanpa kebenaran daripada Mafi.

Petani atau pemilik tanah tempatan tiada modal mencukupi untuk mengusahakan tanah mereka. Mungkin boleh ditubuhkan koperasi untuk atasi masalah ini seterusnya membolehkan penanaman dijalankan secara besar-besaran serta sistematis.

Untuk maklumat, penubuhan satu-satu koperasi memerlukan sekurang-kurangnya 50 ahli untuk mengahiri mesyuarat agung. Jika jumlah ahli dapat dikurangkan kepada sekurang-kurangnya 20 orang, hal ini akan lebih memudahkan proses penubuhan koperasi dan sistematis.

Selain itu, skim bantuan kredit turut disediakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang mana ia merupakan satu pembiayaan untuk meringankan

kehan pesawah. Skim bantuan kredit ini diberikan kepada ahli-ahli yang mengusahakan Mini Ester Padi di bawah pengurusan PPK. Kadar pemberian bantuan kredit oleh PPK ini bergantung kepada kos pengurusan ladang tanaman padi dan kedudukan kewangan sesebuah PPK.

Agrobank juga ada menyediakan perkhidmatan pinjaman mudah kepada pesawah yang layak untuk mengusahakan sawah mereka.

Adakah tanah diusahakan warga Bangladesh itu boleh diambil dan diserahkan semula kepada pemilik untuk diusahakan.

Mafi akan bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian untuk mengazatkan kawasan terlibat sebagai kawasan tanaman padi.

Mafi akan memastikan tanah sawah tersebut dikembalikan semula dan digunakan untuk penanaman padi.

Mafi tahu berkaitan isu ini sejak bertahun lalu. Tiada tindakan diambil sepanjang tempoh berkenaan?

Mafi mengakui tiada pemantauan dan tindakan yang diambil sejak bertahun lalu. Bagaimanapun, ketika ini, pembabitian warga asing masih boleh dikawal dan ia membabitkan kawasan seluas 12 hektar yang bertukar daripada tanah sawah padi kepada tanaman lain.

Justeru, Mafi akan melaksanakan pemantauan bersama agensi yang berkepentingan dan akan memastikan hanya warga tempatan yang mengusahakan tanaman sawah padi.

Bak kata pepatah, sesal dahulu berpantapan, sesal kemudian tidak berguna.

Keselamatan makanan negara turut terletak di bahu Mafi. Apa yang boleh dilakukan bagi menyelesaikan secara terus isu sawah diusahakan warga Bangladesh.

Penggunaan beras bagi penduduk Malaysia dalam sebulan adalah 200,000 tan metrik.

Pengeluaran beras tempatan pula hanya membekalkan 140,000 tan metrik manakala baki 60,000 tan metrik beras ditampung melalui beras import.

Peningkatan warga Bangladesh dalam sektor pertanian adalah satu perkembangan yang mengusarkan kerana ia akan memberi kesan kepada pengeluaran padi negara.

Sehingga kini, Mafi mendapati, hampir 200 tenaga buruh asing bekerja sebagai pesawah di tujuh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) sejak beberapa tahun lalu.

Bagi mengelakkan warga asing mendominasi sektor penanaman padi, Mafi memperkenalkan program SMART Sawah Berskala Besar atau lebih dikenali sebagai SMART SBB.

Program ini mewajibkan kesemua syarikat peneraju menggunakan tenaga kerja tempatan sepenuhnya. Mafi akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Pejabat Tanah dan Galian serta Jabatan Imigrasi Malaysia (JIM) bagi mengatasi perkara ini.

Ramai melihat Smart SBB mampu menyelesaikan banyak isu petani.

Program SMART SBB ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara.

ia dilakukan menerusi pengurusan sawah dan input pertanian yang lebih teratur serta cekap, pengaplikasian teknologi moden selain pembabitian entiti swasta di sepanjang rantaian nilai sehingga ke peringkat hiliran.

Pada masa sama, program ini bermatlamat untuk meningkatkan penulatan pesawah padi melalui kerjasama pintar dengan pemain industri secara langsung menggunakan pendekatan pertanian kontrak (contract farming).

Perkembangan tanaman padi dipantau bermula dari benih padi sehingga padi diproses menjadi beras.

Contoh, penanaman padi varieti MR 297 akan dipantau selama 110 hari untuk memastikan padi mengeluarkan hasil yang tinggi dan berkualiti.

Sehingga Oktober 2021, 3,811 orang pesawah sudah mendapat manfaat daripada Program SMART SBB membabitkan kawasan seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Sebangor dan IADA Sebangor Perak.

Serentak ini, 18 syarikat peneraju sudah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Mafi.

Program SMART SBB meiyasikan peningkatan purata hasil padi nasional kepada 7.0 tan metrik sehektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) berbanding purata hasil semasa sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

MARDI berjaya komersialkan 57 daripada 338 teknologi kepada 40 syarikat



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) menunjukkan buku keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada perasmian Program Agroinvest MARDI 2021 bertemakan 'Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia' di Melaka hari ini.

MELAKA, 28 Nov -- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya mengkomersialkan kira-kira 17 peratus atau 57 daripada 338 teknologi yang dijana kepada 40 syarikat sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pengkomersialan teknologi itu melibatkan nilai perniagaan sebanyak RM171.9 juta dengan nilai teknologi RM15.9 juta.

"MARDI berperanan besar dalam memartabatkan sektor pertanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyelidikan yang berterusan dan salah satunya ialah membangunkan teknologi atau inovasi untuk dipindahkan atau digunakan bagi menyelesaikan masalah golongan sasaran.

"Salah satu platform diwujudkan bagi menjayakan aktiviti pengkomersialkan berkenaan ialah menerusi penganjuran Program Agroinvest yang telah mula dilaksanakan sejak 2016," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Agroinvest MARDI 2021 bertemakan 'Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia' di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad berkata menerusi Program Agroinvest MARDI, sebanyak 252 syarikat telah terlibat bagi membida lebih daripada 50 teknologi berdaya saing dan berpotensi tinggi yang ditawarkan kepada syarikat dan usahawan terlibat.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak 88 syarikat telah menunjukkan minat untuk mendapatkan teknologi berkenaan dan sebahagian daripada mereka telah menandatangani perjanjian pengkomersialan dengan MARDI melalui kaedah pelesenan, jualan terus dan khidmat rundingan.

"Hasilnya setiap tahun MARDI mendapat pulangan purata melebihi RM1.4 juta melalui yuran pelesenan, pengurusan, jualan terus dan khidmat rundingan dan ia merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan," katanya.

Sementara itu penganjuran Agroinvest MARDI 2021 yang berlangsung hari ini disertai 130 peserta dari pelbagai syarikat, usahawan dan rakan industri, dengan 23 teknologi berasaskan makanan dan minuman diperkenalkan kepada peserta terlibat.

Dalam perkembangan lain, Ahmad memberi jaminan bekalan makanan terutama sayur-sayuran mencukupi walaupun terdapat kenaikan harga melibatkan sayur-sayuran import dari China seperti kubis bulat dan brokoli.

"Kenaikan harga sayur-sayuran ini kita dapat kesan sejak bulan lepas dan kita perlu menerima hakikat bahawa terdapat beberapa isu dan kekangan yang dihadapi terutama cuaca sejuk di negara pengeluar ketika ini telah menyebabkan pengeluaran sedikit tergendala sehingga menyebabkan kenaikan harga.

"Namun kita jangkakan harga berkenaan kembali stabil menjelang akhir tahun ini dan pada masa sama, kita menyarankan rakyat membeli sayur-sayuran tempatan berbanding import sekali gus membantu mempromosikan produk keluaran tempatan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MARDI perkenal 23 teknologi makanan



Ahmad (tengah) pada program Agroinvest MARDI di Bandar Hilir, Melaka. - Foto NSTP Nazri Abu Bakar

MELAKA: Seramai 130 usahawan, syarikat dan rakan industri menyertai program Agroinvest Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata 23 teknologi berasaskan makanan dan minuman yang menekankan kesihatan

berlandaskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) diperkenal.

Beliau berkata, MARDI menjana inovasi makanan berkhasiat untuk kesihatan sosial dan meningkatkan ekonomi negara.

"MARDI diharapkan dapat merancang dan melaksanakan proses R&D bagi janaan teknologi dan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran," katanya pada perasmian program terbabit.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Program bertemakan Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia turut menjadi platform Biz-Matching dalam mempromosikan teknologi dan inovasi yang dibangunkan MARDI.

Ahmad berkata, sepanjang pelaksanaan Agroinvest sejak 2016, sebanyak 252 syarikat membida lebih daripada 50 teknologi.

Katanya, 88 syarikat atau 35 peratus menunjukkan minat bagi mendapatkan teknologi MARDI dan sebahagiannya menandatangani perjanjian dengan MARDI melalui pelesenan, jualan terus dan juga khidmat rundingan.

Beliau berkata, setiap tahun secara puratanya, MARDI berjaya memperoleh pulangan melebihi RM1.4 juta hasil daripada pengkomersialan.

Headline	PRODUK KINI DI AWAN BIRU		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	14	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	457 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,003
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,009



Marang

Sokongan dan bantuan daripada pelbagai agensi dan jabatan kerajaan yang diterima ternyata memberi peluang kepada pengusaha keropok keping jenama Tok Yam. Hawa Abd Rahman untuk mengembangkan perniagaannya dan meluaskan pasarannya.

Hawa, 60, berkata beliau bertuah kerana berkat sokongan dan bantuan itu, produknya mampu berada di awan biru selepas berjaya berada dalam senarai makanan yang dijual syarikat penerbangan antarabangsa selain mampu menembusi pasaran luar negara seperti Brunei, Singapura, Jepun dan China.

"Antara yang paling banyak membantu ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana sentiasa menyediakan ruang dan peluang untuk kami mempromosikan produk di seluruh Malaysia.

"Bermula pada 2018, KPDNHEP membawa usahawan menjelajah ke pusat beli-belah terkenal di seluruh negara seperti The Curve dan Subang Parade di ibu negara, melalui Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Citarasa Malaysia yang menjadi titik tolak produk kami menembusi pasaran besar," katanya.

Produk keluaran Hamie

PRODUK KINI DI AWAN BIRU

Pengusaha keropok keping jenama Tok Yam tembusi pasaran luar negara termasuk Jepun dan China

INFO

● **Hamie Food Industries Sdn Bhd** mendapat kepercayaan enam syarikat yang mahu mengeluarkan keropok keping jenama sendiri melalui kilang di Bukit Kor, Marang

Food Industries Sdn Bhd ini yang memperoleh sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipasarkan di 60 cawangan Lotus's Stores (sebelum ini Tesco) dan 2,400 outlet kedai serbaneka 7-Eleven di seluruh negara setakat ini.

Hawa berkata, program dianjurkan KPDNHEP selama ini banyak membantu syarikatnya memperkenalkan

produk secara terus kepada pembeli dengan memberi usahawan peluang menerangkan keistimewaan produk tersebut.

"Melalui kempen dan program itu, kita lebih dekat dengan prospek dan boleh menceritakan tentang khasiat keropok ikan sebagai snek yang sihat selain menonjolkan aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang menjadi prosedur operasi standard (SOP) wajib di amalkan di kilang syarikat.

"Setiap kali mengikuti kempen KPDNHEP ini, kami tidak pulang dengan tangan kosong', purata jualan ialah antara RM7,000 hingga RM8,000 dan paling mengujakan apabila kami mendapat kepercayaan enam syarikat yang mahu mengeluarkan keropok keping jenama sendiri melalui kilang kami di Bukit Kor, Marang," katanya.

Ibu kepada empat anak ini berkata, beliau sentiasa mendapat bimbingan keusa-

hawan banyak peluang pekerjaan untuk anak tempatan.

"Siapa sangka keropok keping yang dahulunya makanan tradisi Terengganu kini mampu dinikmati di dalam dan luar negara dengan lebih mudah pada bila-bila masa. Semua ini tidak akan tercapai tanpa sokongan kerajaan seperti KPDNHEP untuk terus membantu usahawan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka," katanya.

Sejak ditubuhkan pada 2014, syarikatnya menerima geran serta pinjaman perniagaan lebih RM500,000 daripada Majlis Amanah Ra-

kyat (Mara), pemberian mesin bernilai RM250,000 daripada SME Corp, geran pengiklanan daripada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, pinjaman RM100,000 daripada Tekun Nasional dan mesin pengeiran RM200,000 daripada Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Beliau juga bertuah kerana sering menerima bimbingan dan bantuan lain daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

“**Semua ini tidak akan tercapai tanpa sokongan kerajaan seperti KPDNHEP**”
Hawa



Headline	MOSTI jalankan kajian kurangkan kos hasil tani		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	17	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,864
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,592



MOSTI jalankan kajian kurangkan kos hasil tani

Kenaikan harga berkait rapat masalah bekalan baja, racun serangga

Kuala Terengganu: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan beberapa kajian untuk mengurangkan kos berkaitan penghasilan produk pertanian di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Anzad Hashim, berkata kenaikan harga hasil tani ter-

masuk sayur-sayuran kebelakangan ini bukan sahaja disebabkan jumlah pengeluaran yang berkamangan, tetapi turut berkait rapat dengan masalah bekalan baja dan racun serangga yang dipertukan.

Beliau berkata, antara kajian yang dijalankan MOSTI ialah penggunaan racun serangga dan baja pertanian yang menggunakan teknologi nano untuk meningkatkan penghasilan produk tani serta pada masa sama mengurangkan kos dengan lebih efektif.

"Semalam (kebetulan), kita baru berhubung mengenai penggunaan baja teknologi nano ini. Walaupun harganya agak tinggi, kadar penggunaannya sangat rendah. Sembruan tidak perlu dibuat banyak kali kerana ia tu-

trien) akan diserap perlahan-lahan.

"Selain itu, kita lihat juga penggunaan teknologi melalui Agensi Angkasa Malaysia untuk merancang kerja pembajaan dan penyemburan racun dengan cara lebih efektif. Itu antara perkara yang sedang direfleti bagaimana kita boleh membantu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mengurangkan kos," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu, di sini semalam. Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pendidikan Terengganu, Salim Ali Ghani.

Ahmad Anzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu ber-



Ahmad Anzad menyampaikan Anugerah Guru Inovatif kepada Hasmah Derahman pada majlis sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

kata, antara fokus MOSTI ialah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan kementerian yang lain untuk mengukuhkan sekuriti makanan negara.

"Kejayaan berbalhuru MOSTI ialah penghasilan varian benih padi IS21 hasil penyebitan Agensi Nuklear Malaysia yang mampu meningkatkan hasil tani sebanyak sembilan peratus untuk

satu hektar sawah berbanding hanya tiga tan sebelum ini.

"Banyak lagi produk pertanian yang sedang di bawah kajian pelbagai agensi di bawah MOSTI antaranya cendawan dan keup. Dengan teknologi nuklear, kita boleh hasilkan kenaf dengan saiz lebih besar yang pastinya mempunyai lebih banyak serat," katanya. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

Guan Eng: Will Nanta resign if he can't control the rising price of vegetables?



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi speaks during an interview at Wisma Bernama, November 25, 2021. — Bernama pic.

KUALA LUMPUR, Nov 28 — Opposition lawmaker Lim Guan Eng is wondering if Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi will resign from his ministerial post if he can't control the rising prices of daily goods.

In a statement, the Bagan MP said Nanta had promised to sort out the pricing issue by December 9 but questioned what the minister would do if he can't reverse the increase in prices of vegetables.

“Never before have Malaysians seen such high prices of daily necessities such as eggs, chickens, bread, vegetables and even ice cubes. The Federal government must be reminded that these daily necessities are not luxury goods but the prices are now at luxury levels.

“Worse is that the federal government either appears to be uncaring or ineffective and doing nothing to check the rising prices.

“Will Datuk Seri Alexander Nanta Linggi resign if he cannot reverse the soaring prices of basic necessities, like vegetables increasing by more than 100 per cent,” he asked.

[Nanta](#) had acknowledged the rising prices of goods, for example chicken, and attributed it to the increased cost of operations and materials.

He said that to remedy the situation, his ministry had held engagement sessions with major chicken farm owners in the country and discussed with the Ministry of Agriculture and Food Industries on implementing a fixed price for standard chicken.

[Another reason](#) Nanta gave for the price hike in vegetables was the extreme weather changes in major vegetable supply areas such as Cameron Highlands, Pahang that caused a decline in the quality and quantity of produce.

However, Lim said that when he was distributing food packs to his Penang constituents, many asked him if they were going to have an increase in salaries as well seeing as how the economy is not recovering and people are still struggling to make ends meet.

He urged Putrajaya to act immediately and not wait till December 9 to resolve the issue.

“Nanta Linggi had blamed higher operational costs in the supply chain and assured Malaysians that soaring prices of daily necessities would be resolved by December 9.

“The federal government should bear full responsibility if the prices are not brought down by December 9 but must also act now to reduce the prices in the meantime and not wait till 9 December.

Previously, Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said he was aware of the situation but added that ministry officers found no price hike in vegetables in Penang.

Other than vegetables, the price of a standard loaf of bread by popular local maker Gardenia has also been reported to have increased recently.

Earlier today, *The Malaysian Insight* quoted the Malaysia Fisheries Association predicting higher prices for fish by Chinese New Year next year, attributing it to an acute manpower shortage in the industry.

Headline	MOSTI kaji teknologi kurangkan kos pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	10	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	91 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,929
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,788



MOSTI kaji teknologi kurangkan kos pertanian

KUALA TERENGGANU - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menjalankan kajian bagi mengurangkan kos tanaman dan pertanian melalui penyelidikan terhadap inovasi baja tempatan dan racun makhluk perosak supaya kenaikan harga makanan tidak menjadi beban.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, antara kajian itu ialah penggunaan baja tanaman menggunakan teknologi nano.

“Ia sebahagian usaha MOSTI membantu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meningkatkan hasil produk tani dan mengurangkan kos dengan lebih efektif.

“Kita juga mengenalpasti antara masalah kenaikan harga makanan ialah daripada bekalan baja dan racun makhluk perosak.

“Selain itu, penggunaan teknologi melalui Agensi Angkasa Malaysia untuk merancang kerja-kerja pembajaan dan penyemburan racun dengan cara lebih efektif menggunakan teknologi ‘remote sensing’,” katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu di sini pada Sabtu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Subsidi, geran antara syor tangani kenaikan harga barang



Khairil Nizam Khirudin.

KUALA LUMPUR: PAS mencadangkan kerajaan menerusi Kementerian Kewangan (MOF) menambah subsidi, memberikan geran dan menawarkan pinjaman tanpa faedah sebagai insentif jangka panjang bagi menangani isu kenaikan harga barang.

Ketua Penerangan PAS, Khairil Nizam Khirudin, berkata insentif berkenaan dapat disasarkan untuk dimanfaatkan petani, penternak, peladang, nelayan dan pihak lain dalam rantaian keperluan pengguna.

Selain itu, katanya kerjasama rentas kementerian juga perlu bagi memastikan usaha menyeluruh bukan saja merangkumi penawaran insentif malah membabitkan aspek penguatkuasaan.

Beliau berkata isu kenaikan harga barang yang mendadak ketika ini tidak lagi terhad tanggungjawabnya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Sebaliknya kerajaan perlu menggabungkan agensi dan kementerian lain untuk membantu menangani isu ini secara kolektif.

"Antaranya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), MOF dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ini supaya lebih banyak inisiatif dan tindakan penguatkuasaan bersepadu dapat dirangka serta dilaksanakan.

"Anggota RELA dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) juga dapat digerakkan untuk membantu pemantauan.

"Kerajaan terutama melalui MOF diharap bermurah hati untuk menambahkan subsidi, memberikan geran dan menawarkan pinjaman tanpa faedah sebagai insentif jangka panjang dan berterusan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Khairil Nizam berkata selain itu, KPDNHEP dan agensi di bawah KDN boleh bekerjasama untuk terus memantau dan menguatkuasakan tindakan mengekang manipulasi, monopoli, sorok barang, pencatutan, penyeludupan dan sebagainya.

Beliau berkata, ia antara lingkaran yang dapat memastikan harga barangan keperluan terus kompetitif.

Katanya, negara juga perlu mengurangkan kebergantungan terhadap sumber makanan import yang masih berterusan dengan peranan kerjasama antara kementerian.

Menurutnya langkah itu demi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia diutamakan dengan mengambil kira masih ramai masyarakat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan tidak mampu menyerap kenaikan harga, sekali gus memerlukan perhatian serta tindakan segera.

"Sedang kita berusaha kembali ke rutin kehidupan dan memulakan semula pelbagai urusan, keperluan yang cuba dipenuhi mungkin menyebabkan permintaan melebihi penawaran.

"Di sinilah kenaikan harga barang tidak dapat dielak, selain faktor musim tengkujuh serta perkara berkaitan pembekalan yang timbul rentetan pandemik COVID-19," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Harga barangan mahal, peniaga pun bimbang barang tak laku



KUALA LUMPUR – Rata-rata peniaga dan pengguna masing-masing melahirkan rasa kecewa berikutan harga barangan terutamanya barang basah yang masih belum stabil atau dipulihkan.

Tinjauan MalaysiaGazette di Pasar Chow Kit mendapati hampir kesemua peniaga menjual sekilogram ayam pada harga RM9.50 sementara kubis bulat pula dijual sehingga RM5.50 sekilogram.

Menurut peniaga ayam, Mohd Yusof Husin, 50, harga ayam kini bukan sahaja mahal malah peniaga terpaksa menanggung kerugian berikutan jumlah jualan yang semakin merosot.

Katanya, sebelum ini dia mampu menjual sehingga 300 kilogram ayam dalam masa sehari namun kini hanya sekitar 100 kilogram sahaja yang dibeli oleh pelanggan.



Peniaga ayam, Mohd Yusof Husin

“Sekarang meniaga pun main susut tapi harga ayam semakin naik. Pelanggan juga asyik merungut kerana harga sekilogram ayam terlalu mahal sehingga RM9.50.

“Dalam sejarah memang tak pernah sampai RM9.50, saya sendiri sudah berniaga hampir 30 tahun tapi kali ini harga boleh cecah sebegitu tinggi,” katanya ketika ditemui di Pasar Chow Kit di sini hari ini.

Tambah Mohd Yusof, kerajaan harus mengambil tanggungjawab dalam mengawal harga barangan yang semakin meningkat naik terutamanya harga ayam kerana rakyat ketika ini sedang hidup susah akibat impak pandemik Covid-19.

“Kebanyakan ayam yang sampai memang besar semuanya, kalau seekor sudah lebih dua kilogram berapa harga yang perlu pelanggan bayar? Kadang kala sampai RM27 tapi itu baru beli ayam sahaja tak masuk barangan lain.

“Harga ayam memang mahal sangat sampai orang dah tak mampu nak beli lagi dan kerajaan tolonglah stabilkan kembali harga ayam di pasaran jika boleh turun sehingga RM8 pun sudah cukup bagus,” ujarnya.

Sementara itu, peniaga sayur, Yau Heng, 41, berkata, sekiranya harga sayur semakin tinggi, tidak mustahil pembeli juga akan semakin berkurangan.

“(Kerajaan) tolong stabilkan semula (harga) supaya semua orang dapat berniaga dan untung yang berpatutan. Harga kalau boleh jangan terlalu tinggi atau rendah.

“Paling ketara harga kubis bulat yang dijual RM70 bagi satu beg dan kita perlu keluarkan modal sekitar RM4.50 bagi sekilogram dan jual antara RM5 sehingga RM5.50.

“Sebelum ini harga kubis hanya RM2.50 sekilogram dan kini mencecah RM5.50, memang lari bajet dan embeli pun fikir banyak kali sebelum mahu beli dalam kuantiti yang banyak,” katanya.

Dalam pada itu, seorang penjawat awam, Suhaimi Ramli, 47, berharap kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dapat mengawal dan menstabilkan semula harga barangan di pasaran yang dilihat semakin tidak masuk akal.



Pengguna, Suhaimi Ramli

Jelas Suhaimi, rakyat juga perlu melihat semula setiap perbelanjaan dengan lebih teliti supaya mereka tidak menanggung beban akibat kenaikan harga barang.

“Sebagai pengguna memang kita semua perlukan makanan, jadi terpaksa hadap juga lah dengan kos kenaikan barang mentah dan saya sendiri sebagai kakitangan awam kena berbelanja lebih sedikit untuk beli barang.

“Saya juga mula mengawal perbelanjaan harian memandangkan barang basah yang meningkat maka secara tidak langsung harga makanan yang dijual di kedai juga akan naik,” ujarnya.

Suhaimi berkata, kerajaan juga harus lebih jujur dan bertanggungjawab dalam menangani isu kenaikan harga barang yang berlaku hampir di seluruh negara.

“Kita kena fikir jika pembelian melebihi pendapatan sebulan seseorang individu itu jadi ia akan beri masalah kepada rakyat di luar sana,” katanya.

Seorang lagi pengguna, Azarim Md Arif, 45, berkata, setiap kementerian yang berkaitan harus memainkan peranan masing-masing dengan turun padang dan memantau harga barangan.



Pengguna, Azarim Md Arif

“Memang terasa (kenaikan harga) tapi sebagai rakyat apa boleh kami buat? Biasa saya beli ayam kampung sekitar RM10 atau RM11 sekilogram tapi sekarang sampai RM13.

“Mereka peniaga pun harga barang yang sampai memang sudah mahal jadi takkan mereka mahu jual murah?,” katanya.

Semalam media melaporkan, kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam masa terdekat, sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang telah memberi impak kepada harga barangan di pasaran.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sudah mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan (MOF) Rabu lalu.

“Sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan dengan MOF. MOF secara dasarnya bersetuju untuk mempertimbangkan saranan cadangan daripada kedua-dua kementerian.

“Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF,” katanya dalam satu kenyataan. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	TRDI.MY	ONLINE	

Kaji Teknologi Kurangkan Kos Pertanian - Ahmad Amzad



KUALA TERENGGANU, 28 November – Satu kajian bagi mengurangkan kos tanaman dan pertanian bakal dijalankan melalui penyelidikan terhadap inovasi baja tempatan serta racun makhluk perosak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, pihaknya mengambil langkah itu supaya kenaikan harga makanan dapat dikawal dan tidak menjejaskan rakyat.

Katanya, ia merupakan sebahagian usaha MOSTI membantu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi di bawahnya meningkatkan hasil produk tani dan mengurangkan kos dengan lebih efektif.

"Antara kajian itu ialah penggunaan baja tanaman menggunakan teknologi nano yang mempunyai kelebihan. Kita mengenal pasti antara masalah kenaikan harga makanan ialah bekalan baja dan racun makhluk perosak.

"Semalam kita bincang mengenai penggunaan baja teknologi nano. Walaupun harganya agak tinggi tapi kadar penggunaan sangat rendah. Semburan tidak perlu dilakukan banyak kali kerana ia (nutrien) akan diserap perlahan-lahan.

"Selain itu, penggunaan teknologi melalui Agensi Angkasa Malaysia untuk merancang kerja-kerja pembajaan dan penyemburan racun dengan cara lebih efektif menggunakan teknologi 'remote sensing'," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu di Terengganu Equestrian Resort (TER) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Salim Ab Ghani.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu turut memberitahu, pihaknya sedia membantu mengukuhkan sekuriti makanan negara seiring dengan peranan MOSTI menerajui teknologi dan inovasi terkini untuk meningkatkan daya saing global negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	BERITA HARIAN AHAD	ONLINE	

Tiga kementerian atasi lonjakan harga



PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan harga barang keperluan asas distabilkan menggunakan mekanisma tertentu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sudah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berkaitan kenaikan harga sayur, ayam dan telur.

"Usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong juga sudah dirangka," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan seluruh negara menyaksikan peningkatan harga barang keperluan harian, peralatan binaan, input pertanian dan makanan yang memberi kesan kepada pelbagai pihak di peringkat pembekal, kontraktor, peniaga serta pengguna.

Dalam pada itu Alexander berkata, fokus untuk menstabilkan harga barang itu dilaksanakan oleh kementeriannya selepas tiga petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan oleh KPDNHEP sudah melakar pencapaian 100 peratus.

Tiga KPI itu membabitkan isu berkaitan Sarawak iaitu pengecualian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961; menurunkan harga kit ujian pantas (RTK) antigen dan memastikan kemampuan industri francais.

Mengenai penurunan harga kit RTK, Alexander berkata, ini selari dengan langkah membuka lebih banyak sektor ekonomi berteraskan pendekatan yang selamat dengan menggalakkan saringan secara sendiri.

"Beberapa langkah strategik, termasuk memperluas penjualan kit RTK antigen kepada rangkaian premis peruncitan dan penetapan harga siling sudah dilaksanakan.

"Cakna dengan keluhan pengguna, terutama dalam kalangan B40 dan M40, kerajaan menerusi KPDNHEP bertekad untuk melipat-gandakan usaha supaya harga RTK antigen ini dikurangkan lagi dan mampu dimiliki oleh semua ahli Keluarga Malaysia.

"Bersandarkan rundingan dan kerjasama antara di KPDNHEP serta pengusaha perniagaan, harga RTK antigen secara sendiri didapati merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan, sejak harga siling dikuatkuasakan September lalu," katanya.

Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, iaitu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal iaitu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran.

Susulan faktor persaingan, katanya, RTK antigen yang dijual di pasaran menjangkau 83 jenama dan tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini.



Kit ujian pantas (RTK) antigen yang dijual pada harga RM4.90. - Foto NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kenaikan harga barang basah semakin resahkan pengguna



Seorang peniaga ayam mengakui peningkatan harga ayam kali ini membuatkan dia rasa tertekan kerana berada dalam dilema antara pelanggan dan pembekal. --fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Kenaikan harga barangan terutama barang basah sejak kebelakangan ini benar-benar memberi kesan kepada pengguna yang masih berdepan dengan pandemik COVID-19 dan meminta sesuatu dapat dilakukan agar kenaikan harga itu dapat dikawal.

Tinjauan Bernama di Pasar Datuk Keramat di sini mendapati kenaikan harga barang pada sekitar 10 hingga melebihi 50 peratus mengikut jenis harga barang dan pengguna ditemui mengharapkan kenaikan itu hanyalah sementara.

Seorang pengguna Zamri Husin, 48, berkata harga daging lembu tempatan umpamanya, kini mencecah RM34 sekilogram berbanding sekitar RM28 sekilogram sebelum ini.

"Itu belum lagi harga tulang dan paru yang turut meningkat beberapa peratus. Harga sayur pun naik antara 10 sen dan hampir RM1. Saya rasa kena kawallah kalau tidak beban kami sebagai pembeli terus bertambah," katanya.

Seorang suri rumah Fauziah Hasnan, 47, turut merungut tentang kenaikan harga ayam yang kini dakwanya mencecah RM9 sekilogram berbanding RM7 sebelum ini.

"Harga ini dah berlanjutan sejak beberapa bulan. Harga terus naik tidak turun-turun dan yang bebannya kamilah," katanya.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menyatakan bahawa kenaikan harga ayam dan sayur-sayuran berpunca peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import, kenaikan harga baja dan racun antara punca menyumbang kepada kenaikan harga produk itu di pasaran ketika ini.

"Beberapa pelan tindakan sedang dirangka melibatkan ketiga-tiga kementerian (Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) dan saya amat berharap tindakan ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin bagi membantu pengguna dan peniaga yang terkesan teruk," kata Nanta menerusi kenyataan di Facebook pada 25 Nov lepas.

Kenaikan harga barang basah itu sebenarnya turut merunsingkan para peniaga dan mengatakan kenaikan itu tidak dapat dielakkan atas beberapa faktor terutama daripada pihak pembekal.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPKMW) Mohammad Pandu Insani Yahya berkata berikutan itu peniaga juga terpaksa mengeluarkan modal tinggi untuk mendapatkan barangan tersebut menyebabkan berlaku sedikit kenaikan harga.

"Apabila kami beli pun harganya sudah meningkat, kos kenaikan itu juga terpaksa ditanggung pembeli namun saya harapkan peniaga janganlah ambil kesempatan untuk naik harga melambung. Kadang-kadang kami rugi apabila pembeli tidak membeli barangan kami," katanya.

Seorang peniaga daging lembu tempatan Muhammad Latiff, 25, mengakui harga seperti daging lembu tempatan, paru dan tulang import agak sedikit meningkat hingga ada pembeli enggan membeli daging kerana dikatakan mahal.

Sementara itu, peniaga ayam, Zakaria Hamzah, 35, berkata peningkatan harga ayam kali ini membuatkan dia sebagai peniaga rasa tertekan kerana berada dalam dilema antara pelanggan dan pembekal.

"Kami sebagai peniaga perlu menaikkan harga barang, kalau dahulu kami boleh menjual RM7.50 hingga RM8 sekilogram kini kami terpaksa menjual dengan harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram kami pening untuk menjawab kepada pelanggan kami," katanya.

-- BERNAMA